

Bahasa Melayu
 Dimensi Masyarakat dan Negara
 Muka S4

Matematik
 Bearing
 Muka S6

Kimia
 Sebatian Karbon
 Muka S11

Membimbing Ke Arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)



Etika media sosial

Teknologi, pengaruh sekitar, kurang didikan sebabkan generasi muda kurang adab ketika berkomunikasi

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
 ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur: Setiap individu terutama pelajar harus menitikberatkan etika walau dalam apa sahaja perlakuan bagi memastikan mereka tidak ber-

depan masalah serta sentiasa dihormati orang sekeliling. Etika berperanan sebagai garis panduan diri yang menentukan apa boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan, malah kegagalan mempraktikkannya membuatkan individu dilihat tidak beradab.

Bagaimanapun, faktor teknologi yang berkembang pesat, pengaruh sekitar dan kurang didikan, menyebabkan segelintir masyarakat terutama generasi muda semakin menjauhi etika penting kehidupan, termasuk ketika berkomunikasi di media sosial.

Lihat muka S2

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan dan mendapat lebih banyak soalan SPM

Oleh Cikgu Zaharah Mohd Yusop
bhskor@bh.com.my

Dimensi Masyarakat dan Negara

Karangan Bahagian B, Soalan 3, dikaitkan dengan soalan dimensi masyarakat dan negara. Soalan ini, memfokuskan isu-isu yang ada kaitan dengan hal ehwal masyarakat dan negara seperti pencemaran, kesihatan, pendidikan, persekitaran, dan lain-lain. Bagi menjawab soalan ini, pelajar perlu banyak membaca untuk mendapatkan pengetahuan. Idea atau isi yang mantap dikukuhkan dengan huraian dan contoh yang jelas mampu menghasilkan karangan yang cemerlang.

Contoh soalan seiras peperiksaan:

SPM 2017	Malaysia sebagai negara yang subur dan kaya dengan pelbagai sumber seharusnya menuju ke arah negara yang membekalkan makanan yang cukup kepada rakyatnya di samping mengurangkan kebergantungan kepada makanan yang diimport. Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang menghasilkan makanan yang cukup untuk rakyatnya.
SPM 2018	Anda akan mengambil bahagian dalam satu pertandingan pidato bertajuk 'Sukan Mengukuhkan Perpaduan'. Tulis teks pidato itu selengkapnya.
JUN 2018	Anda ingin menulis sebuah rencana bertajuk 'Amalan Gaya Hidup Sihat Dapat Meningkatkan Kualiti Hidup' untuk dimuatkan dalam sebuah akhbar tempatan. Tulis rencana itu selengkapnya.

Contoh soalan:

Buah-buahan tempatan berpotensi besar untuk pasaran antarabangsa. Bincangkan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak agar industri buah-buahan tempatan dapat dikembangkan hingga ke luar negara.

Analisis soalan

Tema	Buah-buahan tempatan
Isu / perkara	Buah-buahan tempatan berpotensi untuk pasaran antarabangsa
Arahan	Bincangkan usaha-usaha oleh pelbagai pihak
Sasaran	Industri buah-buahan

Rangka karangan

Pendahuluan	Industri buah-buahan tempatan semakin berkembang maju – buah-buahan Malaysia mempunyai kualiti tersendiri dari segi rasa dan saiz – ada yang sudah dipasarkan hingga ke luar negara – banyak kekangan yang perlu diatasi – perlu ada usaha untuk mengembangkan industri buah-buahan tempatan.
Isi 1	Meluaskan kawasan penanaman secara besar-besaran – perlu ada usaha dengan pemilik tanah untuk meluaskan penanaman – usahakan tanah-tanah terbiar – gantikan tanaman biasa kepada tanaman buah-buahan – penghasilan akan lebih banyak – mudah urusan pemasaran.
Isi 2	Memastikan kualiti buah-buahan – bagi tingkatkan persaingan, rupa bentuk, saiz dan rasa perlu dititikberatkan – tekankan aspek penjagaan – penyiraman, pembajaan, penggunaan racun mencegah penyakit perlu sistematis – gunakan teknologi terbaik dari segi mengekalkan kualiti buah semasa dipasarkan – mampu menarik perhatian negara luar.
Isi 3	Pelbagaikan kegunaan buah-buahan tempatan – dapat kurangkan lambakan – boleh dijadikan jus minuman – dijadikan makanan yang berasaskan buah-buahan, makanan ringan – mengetinkan buah-buahan, dijadikan jem dan lain-lain – pasaran boleh sampai ke negara-negara yang lebih jauh kerana tarikh luput lebih lama.
Isi 4	Tingkatkan penyelidikan agar mampu bersaing dengan negara lain – buah-buahan tempatan tidak tahan lama dan mudah rosak – MARDI pastikan buah-buahan tempatan boleh tahan lama dan segar – kenal pasti baka atau benih yang baik melalui penyelidikan saintifik – proses penyelidikan berterusan akan memastikan buah-buahan tempatan lebih berkualiti dan diterima oleh negara luar.
Isi 5	Adakan promosi di luar negara – pasaran buah banyak dimonopoli oleh negara jiran – adakan agrobazar atau bazar pertanian – buat demonstrasi pelbagaikan kegunaan buah-buahan tempatan – restoran anak tempatan di luar negara gunakan buah-buahan tempatan – uar-uaran kelebihannya dalam media sosial – dapat menarik minat penduduk untuk kenal lebih lanjut.
Penutup	Kesimpulannya, buah-buahan tempatan mampu dikomersialkan – setanding atau lebih baik dengan buah-buahan dari negara jiran – kerjasama pelbagai pihak perlu dalam meningkatkan industri buah-buahan – membantu menajankan ekonomi negara dan penduduk.

Contoh karangan:

Industri buah-buahan tempatan semakin berkembang maju kerana negara kita terkenal dengan pelbagai buah yang lazat. Buah durian, mempelam, rambutan, manggis Malaysia mempunyai kualiti tersendiri dari segi rasa dan saiz. Oleh sebab itu, ada buah-buahan tempatan seperti pisang, nanas, belimbing besi sudah dipasarkan hingga ke luar negara. Buah durian Malaysia misalnya, sudah mula memasuki pasaran negara China. Begitu juga buah nanas yang sudah lama dieksport ke luar negara. Walau bagaimanapun, pengeluarannya masih belum mampu bersaing dengan negara jiran seperti Thailand yang lebih maju dari segi teknologinya. Banyak kekangan yang perlu diatasi jika mahu buah-buahan tempatan dikembangkan hingga ke luar negara. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mengembangkan industri buah-buahan tempatan ini?

Satu daripadanya adalah dengan meluaskan kawasan penanaman secara besar-besaran. Kebanyakan tanaman buah-buahan dibuat secara kecil-kecilan oleh penduduk kampung atau pengusaha kecil. Pengeluarannya, cukup sekadar untuk pasaran tempatan. Dalam hal ini, perlu ada usaha antara pemilik tanah atau pengusaha untuk meluaskan penanaman. Mereka boleh bergabung dengan pengusaha sama tanah-tanah yang sedia ada dengan menanam buah-buahan secara besar-besaran. Mereka boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan agar dapat mengusahakan tanah-tanah terbiar yang ada. Di samping itu, mereka boleh menggantikan tanaman biasa seperti getah dan padi kepada tanaman buah-buahan agar penghasilannya akan lebih banyak. Pengeluaran secara besar-besaran ini akan mampu menampung keperluan tempatan dan juga negara luar. Pengeluaran secara besar-besaran ini juga memudahkan urusan pemasaran ke sesebuah negara. Hal ini boleh diuruskan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang merupakan antara badan kerajaan yang bertanggungjawab membantu pengusaha menguruskan pemasaran hasil pertanian negara. Oleh itu, wajarlah penanaman berskala besar digalakkan kerana lebih berdaya maju dan menguntungkan.

Seterusnya, kualiti buah-buahan tempatan perlu dipertingkatkan agar setanding dengan buah-buahan dari negara luar. Bagi meningkatkan persaingan, rupa bentuk, saiz dan rasa perlu dititikberatkan. Hal ini bermula dari aspek penjagaan tanaman yang perlu ditekankan oleh pengusaha ladang atau pekebun. Kesuburan tanah, penyiraman, pembajaan, penggunaan racun mencegah penyakit perlu dijalankan secara sistematis. Pengusaha buah-buahan perlu bekerjasama dengan Jabatan Pertanian yang dapat memberikan khidmat nasihat dari segi pencegahan penyakit, kawalan serangga dan sebagainya agar buah-buahan yang berkuliti terhasil. Pengusaha perlu menggunakan teknologi terbaik dari segi mengekalkan kualiti buah semasa dipasarkan. Sebagai contoh, bagi mengekalkan kemanisan rasa mempelam harumanis yang terkenal di Perlis, buah itu dibungkus pada masa yang tertentu iaitu ketika tempoh matang. Buah itu pula dibungkus dengan menggunakan pambalut karbon. Kelebihan pambalut karbon ini ialah buah akan lebih berwarna kuning dan lebih manis. Oleh yang demikian, kaedah yang berterusan daripada pelbagai pihak membantu meningkatkan kualiti buah-buahan tempatan dari segi rasa, saiz dan ketahanannya.

Usaha seterusnya adalah dengan mempelbagaikan kegunaan buah-buahan tempatan. Ada kalanya, lambakan buah-buahan boleh menyebabkan buah-buahan tersebut tidak dapat dipasarkan kerana melebihi permintaan. Jadi, satu daripada cara untuk meningkatkan pemasaran buah-buahan ini adalah dengan memprosesnya menjadi bentuk makanan yang lain. Sebagai contohnya, buah rambutan atau nanas boleh ditinkan atau dijadikan jus minuman seperti jus durian belanda, jus belimbing dan lain-lain. Di samping itu, boleh juga dijadikan makanan ringan seperti keropok pisang, dijadikan jem dan lain-lain. Selain dijadikan minuman, makanan ringan dan ditinkan, boleh juga dijadikan jeruk melalui proses pengawetan seperti jeruk kedondong, jeruk mangga dan lain-lain. Jeruk Madu Pak Ali yang terkenal di Pulau Pinang misalnya, merupakan industri jeruk buah-buahan yang sudah terkenal dan mendapat pasaran di luar negara seperti di pasar raya ManMa di Ireland. Oleh itu, dengan mempelbagaikan kegunaan buah-buahan ini akan dapat meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa kerana produk yang dikeluarkan lebih tahan lama, mudah dinikmati dan berkualiti.

Bagi meningkatkan persaingan, penyelidikan yang berterusan perlu dilakukan agar buah-buahan tempatan mampu bersaing dengan negara lain. Buah-buahan biasanya tidak tahan lama dan mudah rosak. Kerajaan melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) boleh mencari jalan memastikan buah-buahan tempatan boleh tahan lama dan segar. Perlu juga dikenal pasti baka atau benih yang baik melalui penyelidikan saintifik. Proses penyelidikan berterusan akan memastikan buah-buahan tempatan lebih berkualiti dan diterima oleh negara luar. Jadi, tidak hairanlah apabila buah seperti belimbing dan betik eksotika negara kita dapat dipasarkan ke luar negara kerana mereka boleh bertahan lama tanpa menghilangkanakan rasa keunikan mereka. Baru-baru ini, pihak MARDI telah melancarkan klon baharu rambutan yang pokoknya lebih rendah dan menghasilkan buah yang lebih awal selain isinya pula lebih tebal dan lemak. Sudah jelas hasil penyelidikan yang berterusan ini akan mampu merangsang industri buah-buahan tempatan ke peringkat antarabangsa.

Usaha selanjutnya adalah dengan mengadakan promosi di luar negara. Hal ini boleh dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau agensi di bawahnya atau para usahawan sendiri. Buah-buahan seperti durian, belimbing dan pisang yang terdapat di luar negara banyak dimonopoli oleh negara jiran sedangkan buah-buahan itu turut ditanam di negara ini. Oleh itu, untuk memperkenalkan buah-buahan ini dicadangkan pengwujudan agrobazar atau bazar pertanian, mengadakan pesta buah-buahan atau mengadakan demonstrasi pelbagai guna buah-buahan tempatan di luar negara. Ambil peluang ketika sesuatu pesta atau keramaian diadakan dengan menyediakan ruang untuk hasil tempatan diperkenalkan. Kedutaan Malaysia di luar negara juga boleh berperanan merancang pesta buah-buahan Malaysia secara berkala. Di samping itu, restoran anak tempatan di luar negara boleh menggunakan buah-buahan tempatan sebagai pencuci mulut bagi menarik pihak luar mengagumi keunikan buah-buahan kita. Elok juga diuar-uarikan kelebihannya dalam media sosial. Secara tidak langsung usaha ini akan dapat menarik minat penduduk untuk mengenali buah-buahan tempatan dengan lebih lanjut ibarat kata orang, tak kenal maka tak cinta.

Kesimpulannya, buah-buahan tempatan mampu dikomersialkan dan dipasarkan di luar negara. Buah-buahan tempatan mengandungi serat, vitamin C dan lain-lain yang tinggi dan sangat baik untuk kesihatan tubuh badan. Oleh itu, buah-buahan ini boleh setanding atau lebih baik dengan buah-buahan dari negara jiran jika kualiti dan ketahanannya terus dipertingkatkan di samping pengendalian harganya. Kerjasama pelbagai pihak perlu dalam meningkatkan industri buah-buahan dan seterusnya membantu menajankan ekonomi negara dan penduduk. Sekali gus, bidang ini akan membuka peluang pekerjaan kepada generasi muda khususnya sebagai usahawan. Sudah pasti kita berasa bangga jika buah-buahan tempatan ini terdapat di mana-mana sahaja pasar raya di seluruh dunia. Hakikatnya, hendak seribu daya tak hendak seribu dalih!

Latihan

Sediakan rangka karangan lengkap bagi soalan karangan di bawah.

Kesan-kesan peninggalan sejarah seperti kota A Famosa di Melaka, Kubu Margherita di Sarawak atau Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur perlu dikekalkan. Jelaskan kepentingan-kepentingan mengekalkan kesan-kesan sejarah ini kepada masyarakat dan negara.

Descriptive Essay

Hello again everyone! Hope you are doing fine especially in your English classes. Today we will discuss about continuous writing task. We are going to look at DESCRIPTIVE ESSAY.

General Guidelines on Descriptive Essay

1. Creating a vivid picture of a person, place, or thing.
2. The purpose of a descriptive essay is to reveal the meaning of a subject through detailed, sensory observation.
3. You can make up the description; perhaps you can combine some facts with fiction. As an example, when you are describing your mother, you can include some true characteristics of your mother but also add in some interesting characteristics that are actually your aunt's, to add interest.
4. If the readers come away from a descriptive essay with the feeling that they have really met a person, gone to a particular place, or held a certain object, then the writer has done a good job.
5. Include all the 5 sensory details; smell, taste, touch, sight and sound to make your description interesting.

This week we are going to discuss how to describe a person. It can be fictional or a real person.

Steps to Take When You Plan to Describe People

- (a) Understand the Question and Brainstorm
 - (i) Be very clear about the question. Think of someone that you could write about but you have to make sure that you have enough details to write about him/her that you have chosen. For example, the question is "Describe a teacher who has made an impression on you". You have to think of various teachers you have known personally or you have heard of and jot down the kind of impressions they made on you as well as any interesting incidents concerning them.
 - (ii) Ask yourself these questions:
 - What impressions do I want to convey?
 - What interesting physical features can I describe that will help present my theme? Remember that you can make up details of physical features or any aspects of personality to convey your theme. So let's get creative and create that great teacher who has made an impression on you.
- (b) Structure Your Ideas
 - (i) Decide on the person you want to describe and think of a theme that you want to write about.
 - (ii) Determine how you are going to structure your composition.
 - (iii) Remind yourself of the need to present your emotions/personal response, you can use any form of mind mapping to organise your thought and ideas. One way to do it is, you can draw a line down the centre of your page:
 - On the left-hand side, write about the physical features, aspects of personality, habits or idiosyncrasies you want to describe.
 - On the right, write down your personal response to each item and reasons for this response.

Here are some of the DO's and DON'Ts of describing a person.


Do's	Don'ts
Write a clear description of the person	Write a poor description of the person
Describe the person's character and special characteristics	Mention briefly the person's special traits
Describe the person's interests and hobbies	Leave out the person's interests and hobbies
Describe any of the person's career or special talent	Forget to mention the person's career or special talent

In order to describe someone clearly or with accurate detail, you can use adjectives or other descriptive words. I have made a list of words that can help you to describe a person.

Positive Attitude	Kind, helpful, considerate, jovial, carefree, humble, honest, patient, diligent	Hobby	Sports – swimming, ice skating Indoor game – chess, board game Outdoor – camping, trekking Domestic – sewing, knitting
Negative Attitude	Snobbish, weird, rude, lazy, bossy, irrational	Mouth	Thin lips, thick lips, pouty, toothless smile, yellow teeth, bad breath, nicotine stain teeth
Face / skin / complexion	Dark, pale, oval-shaped, round, wrinkles, sweet, freckles, fair, smooth, pockmarks, pimple scars	Like / dislike	Spicy food, soothing music, action-packed movies, noisy and crowded places, rough street
Hair	Curly, straight, silky, blonde, brunette, pigtailed, ponytail, crew-cut, shoulder-length	Height and build	Muscular, tough, tall, broad-shoulder, six pack abdomen, well-built, stocky, short, plump, overweight, plump, lanky

Look at the question below. There are several approaches that you can use to draft your essay.

Question: Describe different types of friend that you have.
I am using a tree map to help me organise my thought and ideas.



Structure	Title: My Friends
Introduction State who is being describe	I am a jovial kind of person. Some say I am a people person. I like to be around people and because of this fact; I have a lot of friends. In one way, I can categorise my friends into "fair-weather friends", buddies and true friends.
Body Paragraph 2 – details of the first type of friends	For me, I call some of my friends as "fair-weather friends" because they are those who come to you when they are in trouble. It is quite funny when one of them suddenly comes up to me and I already know what they want before they mention it. Just yesterday, Imran said "Oh Sam, could I borrow ten ringgit, please. I'll definitely return it tomorrow". "Your new pair of jeans looks great, can I have it for my date tomorrow?" my other friend, Mikey would say. I usually will help them but if I am the one who try to ask a favour from them, they will be the first one to disappear! Can you imagine having friends like this?
Paragraph 3 – details of the second type of friends	Some of my friends share the same likes and dislikes as I do. I call these friends as my buddies. I love to spend my free time with them. Two of them are Azlan and Ah Boon. We will spend hours in front of our favourite online game, "Mortal Combat". We will go up against each other in the game. We also will stay up late to watch football match of our favourite club, Chelsea. Azlan, Ah Boon and I are bookworms and we enjoy reading classic adventure stories. When there is a book fair in our city, we will make sure we are there for at least few hours! Not only that, we also share the same favourite food; fried chicken. We enjoy the fried chicken at Johnny Cafe. The fried chicken there is very delicious; crispy and slightly spicy but not too hot for our liking. There was once, where we ate 10 pieces of fried chicken each.
Paragraph 4 – details of the third type of friends	I consider myself very lucky and blessed to have some friends who are really loyal and always stand by me. My special friends will let me be myself. I do not have to pretend to be someone I am not in front of them. When I am not in my best mood, I usually will be grumpy and sulking. Hisham will just listen to my grumbling and stand there by my side. He will not get offended if I ignore him when he asks me some questions. I have known him since we were in primary school. He is the most patient guy I have ever known. He is always calm and collected even when he faces bad situation. When I am depressed or sad, he will always there to cheer me up.
Conclusion Give an opinion or a fact or describe your feeling	Well, I hope you are having fun reading about my selections of friends. One thing for sure is that I like to be friends with all of them, even the not so sincere one. They just add up more colours and variety in my life. I learn a lot of facts of life through my friendship with them. As you can see, I will definitely enjoy being with them, especially my true friend, Hisham.

The sample essay above is just one approach to answer this question. There are several approaches that you can try. I will leave you with another question on describing a person. Just try to answer the question prepared so you can get the general ideas of how to start your essay.

Question: Write about a person who fits the title "My Most Unforgettable Friend".

1. Introduction: (a) Who is this person?
(b) How do you come to know this person?
2. Background: (a) Where did he / she come from?
(b) What is his / her family background?
3. Character: What are his / her positive and negative qualities?
4. Deeds: Why is he / she so unforgettable?
5. Conclusion: What does he / she mean to you or influence you?

I hope my explanation has helped you to understand how to write a descriptive essay of a person. As usual enjoy English!

6 SKOR Matematik

Oleh Cikgu Rosdin
bhskor@bh.com.my


Bearing

Bearing mesti ditulis dengan tiga digit dari 000° ke 360°
Contoh: 005° , 073° , 198°
Bearing diukur mengikut arah jam daripada Utara.

ANDA PERLU TAHU!

Apabila menyelesaikan masalah berkaitan bearing, adalah penting
(i) melakar rajah untuk menunjukkan kedudukan titik berdasarkan maklumat yang diberi,
(ii) menggunakan pengetahuan berkaitan trigonometri, teorem Pythagoras dan bearing untuk menyelesaikan masalah.

Contoh 1:
Rajah 1 menunjukkan kedudukan titik P dan Q.




Rajah 1

Cari bearing P dari Q.
A 062° C 152°
B 118° D 242°

Jawapan: D
Bearing Q dari P = 062°
Bearing P dari Q = $062^\circ + 180^\circ = 242^\circ$

Contoh 2:
Rajah 2 menunjukkan titik H dan K pada satah mengufuk.



Rajah 2

Cari bearing K dari H.
A 040° C 130°
B 050° D 230°


Jawapan: B
Bearing H dari K = $180^\circ + 50^\circ = 230^\circ$
Bearing K dari H = $230^\circ - 180^\circ = 050^\circ$

TIP:

(a) Jika bearing titik U dari titik V ialah θ .
(i) Apabila $\theta \leq 180^\circ$, bearing titik V dari titik U ialah $\theta + 180^\circ$.
(ii) Apabila $\theta \geq 180^\circ$, bearing titik V dari titik U ialah $180^\circ - \theta$.
(b) Untuk sudut yang kurang dari 100° , sifar ditambah di bahagian kiri untuk membentuk nombor tiga digit.
Contoh: 019° , 080° , 061° , 045°

Latihan

1 Point P, Q and R lie on a horizontal plane. P lies due south of Q. The bearing of R from Q is 150° and the bearing of P from R is 300° . Which of the following diagrams shows the position of P, Q and R?
Titik P, Q dan R terletak pada satu satah mengufuk. P terletak ke selatan Q. Bearing R dari Q ialah 150° dan bearing P dari R ialah 300° . Antara rajah berikut, yang manakah menunjukkan kedudukan P, Q dan R?



2 Diagram 1 shows three points P, Q and R, on a horizontal plane. Rajah 1 menunjukkan tiga titik, P, Q dan R, yang terletak pada suatu satah mengufuk.





Diagram 1 / Rajah 1

It is given that Q lies due north of P and the bearing of R from Q is 075° . Find the bearing of P from R. Diberi bahawa Q berada ke utara P dan bearing R dari Q ialah 075° .

Cari bearing P dari R.
A 049° C 229°
B 101° D 281°

3 Point P and point Q lie on a horizontal plane. The bearing of P from Q is 220° . Which diagram shows the locations of P and Q? Titik P dan titik Q terletak pada suatu satah mengufuk. Bearing P dari Q ialah 220° . Rajah yang manakah, yang menunjukkan kedudukan P dan Q?



4 In Diagram 2, E lies due north of G. Dalam Rajah 2, E terletak ke utara G.




Diagram 2 / Rajah 2

The bearing of G from F is Bearing G dari F ialah
A 110° C 290°
B 250° D 310°

5 In Diagram 3, point J, K and L lie on a horizontal plane. It is given that K lies due north of J and $JL = LK$. Dalam Rajah 3, titik J, K dan L berada pada satah mengufuk. Diberi bahawa K terletak ke utara J dan $JL = LK$.




Diagram 3 / Rajah 3

Find the bearing of point L from point K. Cari bearing titik L dari titik K.
A 035° C 207.5°
B 125° D 215°

6 Diagram 4 shows points P, Q and R which lie on a horizontal plane. Q lies due east of P. Rajah 4 menunjukkan titik-titik, P, Q dan R terletak pada suatu satah mengufuk. Q terletak ke timur P.




Diagram 4 / Rajah 4

The bearing of P from R is Bearing P dari R ialah
A 050° C 200°
B 150° D 230°

7 Diagram 5 shows three points, K, L and M on a horizontal plane. Rajah 5 menunjukkan tiga titik, K, L dan M yang terletak pada satu satah mengufuk.




Diagram 5 / Rajah 5

Given that M lies due east of L. Find the bearing of point M from point K. Diberi M berada ke timur L. Cari bearing titik M dari titik K.
A 060° C 160°
B 140° D 340°

JANJANG

Janjang Aritmetik

Janjang aritmetik ialah suatu jujukan nombor dengan keadaan beza setiap sebutan pertama dengan sebutan berikutnya ialah suatu pemalar yang konsisten. Pemalar ini dikenali sebagai beza sepunya, d .

$$d = T_{n+1} - T_n$$

(a) $2, 5, 8, 11, \dots$
nilai = 3, maka jujukan ini ialah janjang aritmetik.

(b) $7, 9, 12, 13, \dots$
perbezaan untuk sebutan berikutnya tidak seragam, maka jujukan ini bukan janjang aritmetik.

► Sebutan ke- n bagi suatu janjang aritmetik diberi oleh:
 $T_n = a + (n-1)d$, dengan keadaan $a = T_1$ = sebutan pertama

► Hasil tambah n sebutan pertama, S_n , bagi suatu janjang aritmetik diberi oleh:

$$S_n = \frac{n}{2} [2a + (n-1)d] \text{ atau } S_n = \frac{n}{2} (a + l) \text{ dengan keadaan } l \text{ ialah sebutan terakhir}$$

Janjang Geometri

Janjang geometri ialah suatu jujukan nombor dengan keadaan setiap sebutan berikutnya diperoleh daripada hasil darab sebutan sebelumnya dengan suatu pemalar yang konsisten. Pemalar ini dikenali sebagai nisbah sepunya, r .

$$r = \frac{T_{n+1}}{T_n}$$

$2, 6, 18, 54, \dots$
nilai = 3, maka jujukan ini ialah janjang geometri.

► Sebutan ke- n bagi suatu janjang geometri diberi oleh:
 $T_n = ar^{n-1}$, dengan keadaan $a = T_1$ = sebutan pertama

Latihan

1 Maria and Siti took part in a Savings Programme. They planned their daily savings as below:
Maria dan Siti menyertai satu Program Menabung. Mereka merancang simpanan wang harian seperti berikut:

Maria: 1 sen, 2 sen, 4 sen, ...
Siti: RM1, RM2, RM3, ...

After 15 days, who has greater total amount of savings and how much is the difference between their total savings?

Selepas 15 hari, simpanan siapakah yang mempunyai jumlah wang yang lebih banyak dan berapakah perbezaan jumlah simpanan mereka?

2 The sum of the first n terms of geometric progression is $32 - 2^5 \cdot n$. Find

Hasil tambah n sebutan pertama bagi suatu janjang geometri ialah $32 - 2^5 \cdot n$. Cari

(a) the eighth term,
sebutan kelapan,

► Hasil tambah n sebutan pertama, S_n , bagi suatu janjang geometri diberi oleh:

$$S_n = \frac{a(r^n - 1)}{r - 1}, r > 1 \text{ atau } S_n = \frac{a(1 - r^n)}{1 - r}, r < 1$$

► Hasil tambah hingga ketakterhinggaan.

$$S_\infty = \frac{a}{1 - r}, \text{ jika } -1 < r < 1$$

Contoh 1:

Dalam suatu janjang aritmetik, sebutan pertama ialah 4 dan sebutan kesepuluh adalah bersamaan dengan hasil tambah bagi lima sebutan yang pertama. Cari sebutan kelima bagi janjang tersebut.

Penyelesaian:

$$T_{10} = S_5$$

$$4 + 9d = \frac{5}{2} [2(4) + 4d]$$

$$4 + 9d = 20 + 10d$$

$$9d - 10d = 20 - 4$$

$$-d = 16$$

$$d = -16$$

$$T_5 = 4 + (5-1)(-16)$$

$$T_5 = -60$$

Contoh 2:

Diberi sebutan pertama dan nisbah sepunya bagi suatu janjang geometri masing-masing ialah 2 dan h .

(a) Nyatakan julat bagi nilai-nilai h supaya hasil tambah hingga ketakterhinggaan janjang ini wujud.

(b) Jika hasil tambah ketakterhinggaan janjang ini ialah $\frac{8}{7}$, cari nilai h .

Penyelesaian:

$$(a) -1 < h < 1$$

$$(b) \frac{2}{1-h} = \frac{8}{7}$$

$$14 = 8 - 8h$$

$$8h = 8 - 14$$

$$8h = -6$$

$$h = -\frac{6}{8}$$

$$h = -\frac{3}{4}$$

(b) the sum to infinity.
hasil tambah hingga ketakterhinggaan.

3 Mr Malik intends to create a wall pattern in the showroom as shown in Diagram 1. The wall area is $6 \text{ m} \times 6 \text{ m}$ and the size of a piece of wallpaper is $30 \text{ cm} \times 30 \text{ cm}$.
Encik Malik bercadang membentuk suatu corak dinding bilik pameran seperti Rajah 1. Keluasan dinding itu ialah $6 \text{ m} \times 6 \text{ m}$ dan saiz sekeping kertas dinding ialah $30 \text{ cm} \times 30 \text{ cm}$.




Diagram 1 / Rajah 1

(a) How many orange flower patterns are needed?
Berapakah corak bunga oren yang diperlukan?

(b) Find the difference between the number of orange flower pattern and blue flower pattern.
Cari beza antara bilangan corak bunga oren dengan corak bunga biru.

4 The radius and the height of each of the following cylinders are reduced by 1 cm consecutively as shown in Diagram 2.

Jejari dan tinggi setiap silinder menyusut 1 cm secara berturutan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Diagram 2 / Rajah 2

Table 1 shows the sum of volume of the first three cylinders.

Jadual 1 menunjukkan jumlah isi padu bagi tiga buah pertama.

Number of cylinder Bilangan silinder	1	2	3
Volume Isi padu	$12\,000\pi$	$22\,469\pi$	$31\,541\pi$

Table 1 / Jadual 1

Given the height of the second cylinder is 29 cm.
Diberi tinggi silinder kedua ialah 29 cm.

(a) Find the volume of the tenth cylinder.

Cari isi padu silinder kesepuluh.

(b) Find the cylinder which has a total surface area of $144\pi \text{ cm}^2$.

Cari silinder yang mempunyai luas permukaan $144\pi \text{ cm}^2$.

5 Azmil and Daud each were given a piece of wire. The wire was bent into several parts with the length of the longest part is $x \text{ cm}$ and the length of the following part is decreased by $d \text{ cm}$ consecutively, as shown in Diagram 3.

Azmil dan Daud masing-masing diberi seutas dawai. Dawai itu dibengkokkan kepada beberapa bahagian dengan bahagian terpanjang berukuran $x \text{ cm}$ dan panjang bahagian berikutnya dikurangkan sebanyak $d \text{ cm}$ secara berturutan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.




Diagram 3 / Rajah 3

Azmil's wire, with the length of 738 cm, is to be bent into 9 parts while Daud's wire with the length of 986 cm, is to be bent into 17 parts.

Dawai Azmil sepanjang 738 cm perlu dibengkokkan kepada 9 bahagian, manakala dawai Daud sepanjang 986 cm perlu dibengkokkan kepada 17 bahagian.

Find

Cari

(a) the value of x and d .

nilai x dan nilai d .

(b) the part with the length of 46 cm,

bahagian yang berukuran 46 cm,

(c) the difference in length of the last part of both wires.

perbezaan panjang bahagian terakhir kedua-dua utas dawai ini.

8 SKOR Sejarah

Oleh Cikgu Adie
bhskor@bh.com.my

Latihan ulang kaji

Pembentukan Kerajaan Islam dan Sumbangannya

Kertas 1

- 1 Maklumat berikut menunjukkan perubahan sistem pemerintahan khalifah kerajaan Islam.

Sistem Syura – Sistem Warisan

Kerajaan manakah yang melaksanakan sistem warisan?
A Bani Umayyah C Turki Uthmaniyah
B Bani Abbasiyah D Khulafa al-Rasyidin

- 2 Apakah gelaran yang digunakan oleh pemimpin Bani Umayyah tahap kedua?

A Wali C Gabenor
B Amir D Khalifah

- 3 Maklumat berikut menerangkan tentang sistem ketenteraan kerajaan Bani Umayyah tahap pertama.

- Diwanul Jundi
- Angkatan Tentera Laut
- Angkatan Tentera Darat

Apakah tujuan penubuhannya?

A Menakutkan musuh
B Menjamin keselamatan negara
C Memperkukuhkan sistem ketenteraan
D Melancarkan serangan terhadap musuh

- 4 Mengapakah golongan mawali menyokong dan menyertai gerakan Abbasiyah menentang pemerintahan Bani Umayyah?

I Cukai yang tinggi
II Berlaku salah faham
III Dianiaya dan diseksa
IV Tidak diberi jawatan yang layak
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 5 Mengapakah zaman Khalifah Harun al-Rasyid dan puteranya al-Makmun dikenali sebagai Zaman Kegemilangan Kerajaan Abbasiyah?

A Keadaan negara yang aman
B Kemajuan ekonomi yang pesat
C Perkembangan bidang keilmuan
D Pembaharuan dalam pelbagai bidang

- 6 Baitulhikmah diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rasyid. Apakah peranan baitulhikmah?

A Perpustakaan
B Pusat penterjemahan
C Pusat pengajaran al-Quran
D Pusat pengurusan kewangan negara

- 7 Kerajaan Turki Uthmaniyah diasaskan oleh

A Orhan I C Sultan Selim I
B Murad I D Uthman Ertughrul

- 8 Antara yang berikut yang manakah merupakan faktor utama yang membawa kejayaan perluasan kuasa empayar Uthmaniyah ke Eropah?

I Senjata moden III Kumpulan Janissari
II Semangat ghazi IV Tentera yang moden
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 9 Pernyataan berikut berkaitan asas kecemerlangan seseorang individu.

Dasar sosial Islam adalah berasaskan kecemerlangan individu

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat tentang dasar sosial kerajaan Turki Uthmaniyah?

A Setiap individu berhak mendapat jawatan
B Setiap individu boleh berjaya dalam hidup
C Setiap individu berhak mendapat pendidikan
D Setiap individu mendapat imbuhan hasil usaha sendiri

- 10 Apakah yang dimaksudkan dengan golongan Mozarab?

A Orang Kristian tempatan yang memeluk agama Islam
B Orang Islam tempatan yang berpindah ke negara Islam
C Orang tempatan beragama Kristian yang mengamalkan kebudayaan Islam
D Orang Islam tempatan yang tinggal di kawasan pemerintahan orang Kristian

- 11 Ibn Fadhlān dan Ibn Battuta telah memberi sumbangan dalam bidang

A perubatan
B ilmu mantik dan falsafah
C matematik dan astronomi
D pengembaraan dan penerokaan

Kertas 2

- 1 Tamadun Islam yang lahir daripada perkembangan agama Islam telah bertembung dengan tamadun awal di dunia.

(a) Bagaimanakah cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia berlaku? [6 markah]

(b) Jelaskan kesan pertembungan antara tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia. [6 markah]

(c) Malaysia boleh meluaskan pengaruh yang baik dalam kalangan negara-negara di dunia pada hari ini. Beri cadangan anda. [4 markah]

(d) Anda mampu menjadikan Malaysia lebih baik. Beri komen anda. [4 markah]

PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA

Kertas 1

- 1 Maklumat berikut berkaitan pertubuhan yang terlibat memberi pandangan dalam pembentukan Malaysia.

- Barisan Sosialis
- Parti Islam Se-Tanah Melayu

Apakah pandangan pertubuhan di atas?

A Malaysia dibentuk tanpa Singapura
B Menyokong pembentukan Malaysia sepenuhnya
C Dirunding dalam kalangan penduduk terlebih dahulu
D Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei diberi kemerdekaan dahulu

- 2 Pernyataan berikut berkaitan pembentukan Malaysia.

Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Brunei tanpa Singapura.

Pandangan di atas telah dikemukakan oleh
A PAS C UMNO
B MCA D Parti Perikatan

- 3 Barisan Sosialis di Singapura menentang idea pembentukan Malaysia.

Apakah alasannya?
A Ekonomi Singapura terjejas
B Satu bentuk penjajahan baharu
C Kemerdekaan dicapai dahulu
D Penduduk Singapura tidak diberitahu

- 4 Antara yang berikut, parti politik yang sudah wujud di Sarawak sebelum pengumuman penubuhan Malaysia ialah

I Parti Negara Sarawak
II Parti Kebangsaan Sarawak
III Parti Pesaka Anak Sarawak
IV Parti Bersatu Rakyat Sarawak

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 5 Sabah mengemukakan Perkara 20 untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia. Siapakah yang membincangkan tentang perkara tersebut?

A Suruhanjaya Reid
B Suruhanjaya Cobbold
C Jawatankuasa Antara Kerajaan
D Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum

- 6 Pemberontakan Brunei yang berlaku pada 7 Disember 1962 mendapat sokongan daripada kuasa asing iaitu

I Rusia
II China
III Filipina
IV Indonesia
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 7 Pernyataan berikut berkaitan pembentukan Malaysia.

Pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme.

Pandangan di atas telah dikemukakan oleh

I Filipina
II Indonesia
III Parti Rakyat Brunei
IV Parti Tindakan Rakyat
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Kertas 2

- 1 Perkara 20 yang dikemukakan oleh Sarawak dan Sabah merupakan tuntutan yang dapat melindungi hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah. Hak ini dikenali sebagai hak wilayah asing.

(a) Senaraikan dua cadangan daripada Suruhanjaya Cobbold untuk melindungi kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.

(i)
(ii) [2 markah]

(b) Berikan dua perkara penting dalam hak wilayah asing. (i) (ii) [2 markah]

(c) Jelaskan inti pati Laporan Suruhanjaya Cobbold. [2 markah]

(d) Mengapakah Laporan Suruhanjaya Cobbold penting dalam pembentukan Malaysia? [2 markah]

(e) Banyak iktibar yang dapat dipelajari daripada kejayaan pembentukan Malaysia. Beri pendapat anda. [2 markah]

- 2 Banyak halangan yang terpaksa dihadapi dalam usaha merealisasikan pembentukan Malaysia yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ekoran tentangan penduduk di Sabah dan Sarawak.

(a) Jelaskan reaksi rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia. [6 markah]

(b) Jelaskan usaha-usaha Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk mendapatkan sokongan rakyat Sarawak dan Sabah terhadap pembentukan Malaysia. [8 markah]

(c) Pembentukan Malaysia memanfaatkan negeri-negeri anggota. Beri komen anda. [6 markah]

Iman Mutiara Hidup

Perbincangan pada minggu ini adalah di bawah bidang Akidah Tingkatan Lima yang bertajuk Iman Mutiara Hidup. Perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam tajuk ini ialah;

- Pengertian iman
- Konsep iman boleh bertambah dan berkurang
- Ciri-ciri orang yang bertambah iman
- Ciri-ciri orang yang mendapat kemanisan iman

Analisis soalan peperiksaan Kertas 1 dari tahun 2010 hingga 2018, soalan berkaitan tajuk di atas pernah disoal pada tahun 2010, 2013, 2016, 2017 dan 2018.

Catatan ringkas

Ciri-ciri Orang yang Bertambah Iman	Menunaikan ibadat wajib dengan sempurna
	Banyak melakukan ibadat sunat
	Sentiasa meningkatkan ilmu tentang Islam
	Selalu berfikir tentang kebesaran Allah SWT
	Menjadikan syariat Islam sebagai amalan hidup seharian
Kelebihan Memperoleh Kemanisan Iman	
Terhadap Individu	Membentuk jati diri dan keperibadian Muslim sejati
	Mendapat kelazatan ketika melakukan ibadat
	Mendapat keredaan dan kerahmatan daripada Allah SWT
Terhadap Masyarakat	Sentiasa sedia memberi khidmat kepada masyarakat
	Tidak akan menyusahkan orang lain
	Menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat

Soalan contoh peperiksaan yang lalu;

- Iman bermaksud membenarkan dengan hati, mengikrarkan dengan lisan dan mengamalkan dengan anggota.
 - Nyatakan maksud kemanisan iman
 - Jelaskan maksud mengamalkan dengan anggota
 - Terangkan dua perkara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keimanan
- Jawapan contoh;*
- Maksud kemanisan iman ialah berasa gembira semasa melakukan ibadat dan sanggup menanggung kepayahan demi mendapat keredaan Allah SWT.
 - Maksud mengamalkan dengan anggota
 - Melakukan amal kebajikan dalam kehidupan seharian
 - Mengerjakan segala perintah Allah SWT seperti solat, haji dan puasa
 - Meninggalkan segala larangan Allah SWT
 - Tiga perkara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keimanan;
 - Memperbanyakkan ibadat dengan melakukan segala perintah Allah SWT dan amalan sunat
 - Menuntut ilmu yang bertaedah dan mengamalkannya demi memahami serta mempertingkatkan ajaran Islam pada diri dan masyarakat
